

85 nelayan Vietnam ditahan

SH 8/8/2019 m/s 29

Enam bot, peralatan dan hasil laut RM6.5 juta dirampas

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Kuantan berjaya menahan 85 warga Vietnam termasuk tekong dan awak awak dalam Operasi Gelora Khas yang dilaksanakan selama 15 hari bermula 25 Julai lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam Polis Diraja Malaysia, Datuk Fisol Salleh berkata, operasi pesisiran sempadan Malaysia di Pantai Timur itu


turut merangkumi perairan Rompin, Pahang ke Takbai, Thailand.

Menurutnya, menerusi tangkapan itu polis turut merampas enam bot dan peralatan serta hasil laut yang keseluruhannya bernilai RM6.5 juta.

"Kesemua mereka ditahan dalam enam tangkapan dan rampan berasingan dengan kedudukan antara 38.2 batu nautika dari Kuala Pahang Pekan dan 103 batu nautika dari lokasi sama.

"Rampasan paling tinggi adalah dalam tangkapan kelima dan keenam yang dilakukan pada sekitar jam 1.30 dan 1.50 petang 27 Julai lalu. Nilai keseluruhan kedua-dua tangkapan itu ialah RM3 juta yang merangkumi nilai bot dan peralatan.

"Kesemua mereka yang ditahan diserahkan kepada Jabatan Perikanan Malaysia untuk didakwa di bawah Seksyen 15 dan 16



Fisol (dua dari kanan) melihat bot yang dirampas dalam Operasi Gelora Khas Siri 2.

Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dan memasuki perairan Malaysia tanpa kebenaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

da pemberita pada sidang akhbar di Markas Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga Kuantan di Padang Lalang di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Fisol berkata, PPM memerlukan

kekuanan aset seperti bot yang lebih besar dengan kelengkapan komunikasi dalam usaha mempertingkatkan jangkauan operasi dan penguatkuasaan.

"Kita menyahut seruan kerajaan untuk melaksanakan tindakan tegas terhadap nelayan asing ini. Namun kita melihat tiba masya kerajaan memberikan perhatian serius terhadap keperluan masa kini.

"Dengan bot yang lebih besar kita mampu pergi sehingga melebihi 100 batu nautika dari perairan. Lebih jauh dan lebih cepat serta mudah tangkap mereka yang merata hasil laut negara.

"Walaupun berdepan dengan kekangan bot, tidak bermakna kita tidak berjaya melaksanakan operasi secara besar besaran. Dengan bantuan pelbagai jabatan, tangkapan dan penguatkuasaan lebih hebat dapat dijayakan," katanya.